



Ruj.Kami : PTGPP/PHMT/004 JIL 31 (5)

Tarikh : 12 Januari 2018

Pengerusi
Jawatankuasa Peguam Pulau Pinang
No. 4, Green Hall
1st Floor
10200 PULAU PINANG

Tuan,

**PENGECCUALIAN BAYARAN BAGI PERMOHONAN PENGELUARAN HAKMILIK
SAMBUNGAN ATAU PENDUA MENURUT SEKSYEN 166(1)(d) DAN 187B(1)(b)
KANUN TANAH NEGARA 1965 AKIBAT BANJIR**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang pihak Tuan/ Puan sedia maklum, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melancarkan "Program Pulau Pinang Bangkit" bagi meringankan beban yang ditanggung oleh penduduk dan memulihkan keadaan selepas bencana banjir pada 4 dan 5 November 2017 yang lalu. Program ini telah dibentangkan oleh YAB Ketua Menteri dalam sidang Dun Negeri Pulau Pinang pada 9 November 2017. Antara intipati program ini, dokumen-dokumen kerajaan negeri seperti hakmilik tanah yang hilang atau rosak akibat banjir akan digantikan dengan percuma.


3. Sehubungan dengan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang di mesyuaratnya pada 14 November 2017 dan disahkan pada 22 November 2017 telah meluluskan supaya permohonan hakmilik yang hilang atau rosak akibat banjir pada 4 dan 5 November 2017 digantikan dengan percuma.

4. Oleh yang demikian, permohonan pengeluaran hakmilik sambungan atau pendua menurut Seksyen 166(1)(d) dan 187B(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 akibat banjir hendaklah disokong dengan surat pengesahan banjir oleh sama ada Penolong Pegawai Daerah atau Penghulu Kawasan. Dokumen-dokumen lain yang perlu disertakan adalah sama sepertimana penerimaan dokumen permohonan di bawah seksyen 166(1)(d) dan seksyen 187B(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 sedia ada. Bersama-sama ini disertakan senarai semak dokumen untuk rujukan pihak tuan. **Penerimaan permohonan tersebut dengan pengecualian bayaran adalah untuk tempoh sehingga 28 Februari 2018.** Perhatian dan kerjasama pihak Tuan/ Puan berhubung perkara ini adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**'CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS'
'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,



(ABDUL RAHMAN BIN JOHOR)
Pengarah Tanah Dan Galian
Pulau Pinang

**SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN PENGELUARAN HAKMILIK
SAMBUNGAN ATAU PENDUA MENURUT SEKSYEN 166 (1)(d) DAN 187B(1)(b) KANUN
TANAH NEGARA 1965 AKIBAT BANJIR**

| BIL | PERKARA | TANDA (/) |
|-----|---|--------------------------|
| 1 | Surat Pengesahan banjir dari Pejabat Tanah dan Daerah | <input type="checkbox"/> |
| 2 | Bayaran pendaftaran (fee) bagi Geran / Pajakan Negeri & HSD RM 400.00 bagi 1 lot. (Dikecualikan) | <input type="checkbox"/> |
| 3 | Surat Permohonan | <input type="checkbox"/> |
| 4 | Surat Akuan Berkanun daripada pemilik tanah / pihak berkepentingan yang menghilangkan hakmilik berkenaan. (Mengandungi maklumat lengkap mengenai hakmilik yang terlibat (No.Hakmilik, No. Lot, Mukim / Seksyen dan daerah). | <input type="checkbox"/> |
| 5 | Salinan kad pengenalan yang diakui sah. | <input type="checkbox"/> |
| 6 | Salinan cukai tanah semasa yang telah dijelaskan. (Dikecualikan) | <input type="checkbox"/> |
| 7 | Jika pemilik telah meninggal dunia :- | |
| | a) Letter Of Administration yang diakui sah atau, | <input type="checkbox"/> |
| | b) Grant Of Probate yang diakui sah beserta wasiat yang diakui sah atau, | <input type="checkbox"/> |
| | c) Perintah Pembahagian Harta Pesaka (Borang E) asal / salinan yang diakui sah. | <input type="checkbox"/> |
| | d) Sijil Kematian yang diakui sah. | <input type="checkbox"/> |
| 8 | Bagi Syarikat : | |
| | a) Salinan kad pengenalan bagi Pengarah Syarikat / Setiausaha yang diakui sah. | <input type="checkbox"/> |
| | b) Resolusi Syarikat untuk memohon hakmilik pendua. (Asal) | <input type="checkbox"/> |
| | c) Form 24, 44 & 49 Syarikat yang disahkan. | <input type="checkbox"/> |
| | d) Memorandum & Artikel Syarikat yang disahkan. | <input type="checkbox"/> |
| 9 | Jika terdapat Gadaian yang masih berkuatkuasa perlu sertakan surat pengesahan daripada pihak bank. | <input type="checkbox"/> |
| 10 | Pemilik / pihak berkepentingan hendaklah menghadirkan diri di Pejabat Pengarah Tanah & Galian Pulau Pinang/ Pejabat Tanah dan Daerah yang berkenaan untuk menurunkan cop ibu jari di Surat Akuan Berkanun. | <input type="checkbox"/> |